



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (15) 17/05

FIVE POWER DEFENCE ARRANGEMENTS DEFENCE MINISTERS' MEETING KE 12 PADA 31 MEI 2024 DI SINGAPURA

Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah mengetuai delegasi Malaysia bagi menyertai Mesyuarat ke 12 *Five Power Defence Arrangement (FPDA) Defence Ministers' Meeting (FDMM)* yang diadakan di Hotel Conrad Singapore Orchard, Singapura pada 31 Mei 2024.

FDMM merupakan mesyuarat peringkat tertinggi *FPDA* yang dihoskan secara bergilir antara Malaysia dan Singapura. *FDMM* kali ini dipengerusikan oleh Dr. Ng Eng Heng, Menteri Pertahanan Singapura dan turut dihadiri oleh Menteri Pertahanan negara anggota yang lain iaitu daripada Australia, New Zealand dan United Kingdom. Mesyuarat kali ini membincangkan mengenai perkembangan terkini aktiviti-aktiviti di bawah *FPDA* termasuk eksesais Bersama LIMA 2023 pada Oktober 2023 dan Bersama *Shield* 2024 yang telah dilaksanakan pada April 2024. Mesyuarat turut membincangkan hala tuju bagi meningkatkan nilai profesional eksesais *FPDA*.

Ini merupakan mesyuarat *FPDA* yang pertama kali bagi YB Menteri Pertahanan sejak beliau berkhidmat sebagai Menteri Pertahanan pada Disember 2023. *FPDA* telah wujud sejak tahun 1971 merupakan sebuah peraturan pertahanan yang dianggotai oleh Malaysia, Singapura, Australia, New Zealand dan United Kingdom bagi membangunkan keupayaan pertahanan melalui aktiviti-aktiviti seperti seminar, lawatan, kursus dan latihan ketenteraan.

Pada *FDMM* kali ini turut diadakan pelancaran laman sesawang rasmi *FPDA* yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada umum berkaitan sejarah penubuhan *FPDA* dan penggunaan prinsip *3R FPDA* (*Remit, Relevance* dan *Reassurance*) bagi memastikan peraturan pertahanan ini relevan dan menjaga sensitiviti di rantau ini.

Selepas Mesyuarat *FDMM*, Menteri-menteri Pertahanan negara anggota *FPDA* turut membuat kunjungan hormat kepada Perdana Menteri Singapura yang baharu, Lawrence Wong di Istana Singapura sebelum *FDMM* berakhir dengan rasminya.

Kehadiran YB Menteri Pertahanan ke Mesyuarat ke 12 *FDMM* adalah penting bagi memastikan hubungan kerjasama pertahanan pelbagai hala antara Malaysia dengan negara-negara anggota *FPDA* dapat dikekalkan dan seterusnya dipertingkatkan selaras dengan Tonggak Strategi Perkongsian Berwibawa yang digariskan di dalam Kertas Putih Pertahanan yang memberi penekanan kepada hubungan pertahanan antarabangsa bagi memastikan keselamatan negara, kestabilan serantau dan keamanan sejagat.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
31 Mei 2024